

Perang dagang AS-China diharap beri manfaat kepada M'sia - Dr M

Malaysiakini

7 November 2018

Malaysia mengikuti rapat perkembangan dunia susulan perang dagangan antara Amerika Syarikat (AS) dan China yang diharap dapat memberi manfaat kepada negara ini dari segi peluang ekonomi, kata Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, antara impak itu termasuk kenaikan kos produk China di AS serta kemungkinan syarikat berkaitan China berpindah ke lokasi lain seperti di Malaysia yang tidak tertakluk kepada sekatan AS.

“Walaupun kita berharap syarikat itu akan berpindah ke Malaysia, namun kita juga melihat krisis kali ini memberi kesan amat negatif. Perang perdagangan ini tidak menyelesaikan sebarang masalah, sebaliknya mencetuskan banyak masalah serta menjejaskan ekonomi, bukan hanya untuk negara terbabit tetapi dunia secara keseluruhannya,” katanya.

Perdana Menteri berkata demikian pada sesi dialog Persidangan Bersama ke-36 Persatuan Ekonomi Jepun-Malaysia (Jameca)-Persatuan Ekonomi Malaysia-Jepun (Majeca) serta program Forum Perniagaan Malaysiadi di Tokyo semalam.

Acara itu merupakan antara agenda Dr Mahathir pada hari kedua daripada lawatan tiga harinya ke Jepun.

Selain itu, beliau turut berharap untuk melihat lebih banyak usaha sama antara Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Malaysia dan Jepun walaupun menyedari kekangan yang dihadapi oleh kedua-dua pihak berkenaan.

“Berbeza daripada syarikat yang lebih maju, PKS ternyata agak asing dengan pelaburan asing. Oleh itu, kita akan pastikan mereka yang berdepan masalah itu dapat dibantu untuk menangani halangan sedemikian,” katanya.

Pada sesi itu, Dr Mahathir turut menyentuh keperluan Malaysia memastikan rakyatnya memiliki kemahiran dalam bidang tertentu.

“Kita perlu mendapatkan mereka yang mahir dalam pengetahuan baharu. Pasti ada pekerja serta pengurus yang mahir dengan industri baharu ini,” katanya.

Mengulas prospek ASEAN, Perdana Menteri berkata rantau itu memiliki potensi besar dengan penduduk seramai 600 juta orang yang merupakan jumlah ketiga terbesar di dunia.

“Saya percaya ASEAN mampu menangani kesukaran dan mempunyai dasar yang boleh memanfaatkan sepenuhnya potensi di peringkat negara masing-masing.

Sumber kita amat besar, namun pentadbiran lebih bertumpu kepada domestik berbanding operasi di peringkat serantau," katanya.

Dalam pada itu, perdana menteri berkata walaupun penting bagi Malaysia memiliki ekonomi yang pelbagai, namun negara ini juga mahu melonjakkan keupayaan industri dan pembuatan tanpa meminggirkan bidang pertanian dan perikanan.

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd

Source: <https://www.malaysiakini.com/news/450738>